

NO. SOALAN: 117

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI AZALINA BINTI DATO'
OTHMAN SAID [PENGERANG]**

RUJUKAN : 6935

SOALAN:

Dato' Sri Azalina binti Dato' Othman Said [Pengerang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah keberkesanan AES sejak ia diperkenalkan, adakah AES ini dapat mengurangkan kemalangan daripada pemandu yang cuai. Berapakah statistik saman AES yang telah dikeluarkan daripada April 2013.

JAWAPAN:

Kerajaan akan mengambil alih keseluruhan pelaksanaan AES ini melalui Kementerian Kewangan. Sehingga kini perbincangan masih berjalan antara pihak yang terlibat dan belum mendapat kata putus atau dimuktamadkan dari segi kaedah pengambilalihan operasi tersebut. Pihak polis tidak berhasrat membuat sebarang ulasan tentang keberkesanan sistem AES sehingga pihak Kerajaan memuktamadkan pihak mana yang bertanggungjawab untuk mengendalikan operasi AES ini.

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : YB. TUAN KHOO SOO SEANG
KAWASAN : TEBRAU

SOALAN:

YB. TUAN KHOO SOO SEANG (TEBRAU) minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan kedudukan terkini projek pelebaran Lebuhraya Pasir Gudang Johor Bahru kerana sebahagian projek tersebut didapati tersangat ketinggalan jadual dan menyebabkan kesesakan lalu lintas yang teruk.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek menaik taraf Jalan Persekutuan 17 (FT17) di Pasir Gudang, Johor ialah projek baru yang diluluskan oleh Kerajaan dalam RMKe-10. Projek ini akan dilaksanakan secara berfasa di mana fasa 1 melibatkan skop menaik taraf jalan sedia kepada laluan 6 lorong 2 hala sepanjang 8km, iaitu dari persimpangan bertingkat Kangkar Tebrau ke persimpangan bertingkat Plentong dengan konsep reka bentuk piawaian JKR R5, dan menaik taraf 8 unit jambatan di sepanjang laluan berkenaan.

Projek fasa 1 dengan harga kontrak sebanyak RM148.4 juta ini telah dimulakan pada bulan Julai 2012 dan dijangka siap pada bulan September 2015. Pada masa kini kemajuan kerja di tapak agak perlahan, iaitu 25% fizikal berbanding 35% jadual (lewat 54 hari). Ini disebabkan oleh faktor penjadualan semula program kerja berikutnya terdapat kelewatan melaksanakan kerja-kerja pengalihan utiliti di sepanjang laluan berkenaan. Walau bagaimanapun, JKR sentiasa memantau kemajuan kerja di tapak dan telah mengarahkan pihak kontraktor untuk menggiatkan kerja-kerja pembinaan. Ini bagi memastikan projek berkenaan dapat disiapkan mengikut tempoh masa yang telah ditetapkan dalam kontrak.

Sekian. Terima kasih.

SOALAN (119)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : Y.B. TUAN KHOO SOO SEANG
[TEBRAU]**

SOALAN :-

Y.B. TUAN KHOO SOO SEANG [TEBRAU] minta MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan kemajuan menyelamatkan projek terbengkalai rumah kos sederhana Taman Mount Austin yang dimajukan oleh Syarikat Kong Sun.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek Taman Mount Austin Johor Bahru, Johor adalah projek perumahan kos rendah yang telah disyiharkan sebagai projek terbengkalai berdasarkan peruntukan Seksyen 11(ca) Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 [Akta 118] pada 16 Mac 2012. Kemajuan projek ini masih berstatus dalam perancangan pemulihan kerana Syarikat Kong Sun Enterprise Sdn. Bhd. (pemaju asal) pada 2 Ogos 2013 telah berjaya dalam rayuannya untuk mengenepikan perintah penggulungan yang telah dikenakan oleh pelikuidasi.

Susulan itu, satu mesyuarat bersama Kerajaan Negeri Johor, Unit Perancangan Ekonomi Negeri dan wakil pemaju asal telah diadakan pada 26 Mei 2014 dan mesyuarat memutuskan supaya pihak pemaju asal mengemukakan semula pelan cadangan pemulihan untuk diteliti semula. Dalam pada masa, pihak KPKT bersama Kerajaan Negeri Johor akan mencari alternatif lain agar menyegerakan pemulihan projek tersebut.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Jun 2014